


UMNO DAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL MELAKUKAN PEMBASMIAN KAUM “ETHNIC CLEANSING” TERHADAP KAUM INDIA DI MALAYSIA

Kerajaan **Barisan Nasional** yang diketuai oleh **UMNO** melakukan **pembasmian kaum “ethnic cleansing”** secara perlahan-lahan terhadap masyarakat **berbangsa India** di Malaysia. Pelbagai cara digunakan untuk mencapai matlamat ini. Salah satu cara yang paling utama digunakan adalah melalui **gangsterisma** yang semakin menular di kalangan masyarakat India. Alat “tool” yang mereka gunakan dalam **pembasmian kaum** ini adalah **Polis DiRaja Malaysia (PDRM)** dan **Geng Kongsi Gelap 36**.



SEBELUM KITA PERGI KEPADA PDRM DAN GENG 36, JOM KITA SINGKAP SEMULA SECARA RINGKAS SEJARAH PEMBASMIAN KAUM “ETHNIC CLEANSING” DI MALAYSIA

UMNO sedar jika kaum India dibiarkan, kemajuan kaum India menggugat kepentingan kaum Melayu di negara ini dan kaum Melayu terpaksa bersaing dengan kaum India. Strategik yang diambil oleh UMNO selepas tahun 1972 ialah “pengabaian”. Kepentingan dan kemajuan kaum India tidak diambil berat supaya kaum ini lenyap secara perlahan-lahan. Pada mulanya Perdana Menteri ketiga kita Tun Abdul Razak memulakan ethnic cleansing terhadap kaum India dan Cina dengan memperkenalkan “Dasar Ekonomi Baru” dengan alasan mengagih pendapatan secara sama rata.

Kaum Cina yang berkedudukan lebih stabil dari segi ekonomi dan berdasarkan factor sejarah telah memperkukuhkan kedudukan mereka tanpa pertolongan kerajaan. Kaum Cina yang datang ke Malaya pada kurun ke 18 untuk bekerja di lombong bijih timah bertujuan untuk terus menetap di sini. Kaum cina menganggap inilah tanahair mereka kerana pergolakan dan peperangan di cina membuatkan mereka tidak boleh balik ke negara Cina. Berbeza dengan kaum India di mana mereka dibawa oleh British untuk bekerja di estet-estet. Tujuan mereka adalah memperoleh pendapatan yang lumayan dan balik semula ke negara mereka. British pula telah menjadikan kaum India sebagai kuli mereka di estet-estet tanpa apa-apa kemajuan.

Ramai peniaga-peniaga dan warga India balik semula ke India sewaktu berlakunya pertumpahan darah pada Mei 13 1969. Kebanyakan mereka tidak membeli apa-apa harta di negara ini dan kesemua pendapatan mereka dihantar ke India. Oleh yang demikian masyarakat india telah menjadi ethnic yang lemah dan mundur. Kaum Cina yang menetap di Bandar-bandar terus maju dan menjadi nadi ekonomi Negara. Walaupun UMNO telah banyak berusaha untuk mengekang kemajuan kaum Cina tetapi matlamat mereka tidak berjaya kerana kaum Cina sudah menjadi terlalu stabil dari segi ekonomi.

Kaum India yang lemah dan mundur disebabkan faktor sejarah terus menjadi mangsa pengabaian dan pembasmian kaum oleh Umno. Kemajuan kaum India diletak di atas bahu Malaysian Indian Congres (MIC). Dato Seri Dr.Mahathir perdana Menteri kita pada masa itu memberi mandat kepada MIC untuk menerajui kaum India. MIC pada masa itu berada dibawah telunjuk Mahathir. Presiden Dato Seri Samy Velu dan pemimpin-pemimpin MIC yang gilakan kuasa dan mementingkan diri sendiri dan kerjaya politik tidak melakukan apa-apa untuk memajukan masyarakat India.

Mahathir berdiam diri walaupun beliau tahu MIC tidak mampu menerajui kaum India. Mahathir lebih mementingkan diri sendiri ,keluarga dan kaum Melayu. Apa sahaja kepincangan yang berlaku dikalangan masyarakat kaum India Mahathir menuding jari kepada MIC dan Samy Velu. Mahathir dari awal telah mula melakukan pembasmian kaum atau ethnic cleansing dengan mempergunakan Presiden dan pemimpin –pemimpin MIC yang lebih mementingkan kerjaya politik mereka.

Pembasmian kaum yang dimulakan pada tahun 1972 masih lagi berterusan sehingga sekarang. Selepas Dato Seri Najib Abdul Razak menjadi Perdana Menteri kaum India terus diperdayakan. Kaum India ialah satu bangsa yang beremosi tinggi dan mudah terpedaya dengan kata –kata serta janji-janji manis. Sifat ini dipergunakan oleh Perdana menteri kita Najib untuk terus memperdaya kaum India dengan sandiwara beliau.

Perdana Menteri Najib telah membawa konsep “Satu Malaysia” iaitu rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan”. Beliau mendekati diri dengan kaum India dengan menghadiri perayaan-perayaan kaum India. Sebagai contoh beliau datang ke perayaan Thaipusam di Kuil Batu Caves. Dalam masa yang singkat Najib telah menjadi perdana Menteri yang popular dikalangan kaum India kerana seperti yang saya katakan tadi kaum India mudah diperdayakan.

Najib yang memahami sifat masyarakat india terus bersandiwara dengan menunjukkan diri beliau sebagai seorang Perdana Menteri yang adil dan saksama. Jika beliau seorang Perdana menteri yang prihatin terhadap kaum India, kenapa selepas beliau menjadi Perdana Menteri masalah sosial terutamanya gangsterisme semakin bertambah dikalangan kaum India? Tak guna beliau menghadiri perayaan-perayaan kaum India sedangkan masyarakat India menuju kehancuran. Najib meneruskan pembasmian kaum terhadap kaum India dengan cara yang halus.

Kerajaan membelanjakan berjuta-juta Ringgit untuk menyelesaikan masalah sosial kaum Melayu. Pusat –pusat Pemulihan Dadah dibina untuk memulihkan penagih-penagih dadah kaum melayu. Pusat-pusat pemulihan dibina diserata tempat untuk memulih remaja-remaja perempuan melayu yang digelar “bohsia”. Pusat-pusat rehabilitasi juga dibina untuk “mat rempit dan mina rempit”.

Kerajaan tak perlu membina pusat pemulihan atau berbelanja berjuta –juta ringgit untuk kaum India. Memadai kalau Umno dan Barisan Nasional menghentikan PENGABAIAN KAUM dan ETHNIC CLEANSING terhadap kaum India serta belaku adil dan saksama.

SEKARANG KITA TENGOK PULA BAGAIMANA UMNO SECARA LANGSUNG DAN KERAJAAN
BARISAN NASIONAL SECARA TIDAK LANGSUNG MELAKUKAN PEMBASMIAN KAUM TERHADAP
MASYARAKAT BERBANGSA INDIA

Pembasmian kaum ini dilakukan khususnya oleh UMNO. Parti-parti komponen lain tidak dapat berbuat apa – apa dan mereka juga tidak prihatin dalam memperjuangkan kaum masing-masing.

Umno menggunakan PDRM dan Geng 36 untuk menjahanamkan kaum India. Ketua geng 36 kaum India ialah Devan. Dia popular dengan panggilan Devan 36. Dia juga digelar “ketamine king”. Ketamine adalah sejenis dadah yang berbahaya. Devan memasak sendiri dadah jenis ketamine, heroin dan shabu secara besar-besaran dan mengedarkan ke seluruh negara.

Bukit Aman yang seharusnya mendaulatkan undang-undang dan menjaga ketenteraman dan keamanan rakyat telah menjadi sebuah pusat perniagaan dimana pegawai-pegawai dan anggota-anggota Polis menjadikan rasuah sebagai mata pencarian mereka yang utama.

Geng 36 menjalankan kegiatan mereka dengan pertolongan PDRM. Berjuat-juta Ringgit Malaysia disuap sebagai rasuah oleh Geng 36 kepada pihak Polis. Devan 36 pula dikatakan mengadakan beberapa majlis jamuan setiap bulan kepada beberapa pegawai-pegawai Tinggi PDRM Bukit Aman dan lain-lain pegawai IPD beberapa daerah serta IPK beberapa negeri.

Daripada informasi yang diperolehi ramai anggota dan pegawai Polis kebanyakannya yang berkaum India adalah ahli kongsi gelap 36. Mereka inilah yang melindungi Devan dan Geng 36 menjalankan kegiatan utama mereka iaitu mengedar dadah. Ramai anggota dan pegawai Polis India di Jabatan D7 dan D9 di IPK Kuala Lumpur adalah ahli geng 36.

Setiap hari dianggarkan di kawasan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja sebanyak 100-150 belia India direkrut masuk ke dalam geng 36. Kebanyakan ahli yang direkrut masuk adalah remaja belasan tahun. Pada masa sekarang pengaruh geng 36 sudah menular hingga ke dalam sekolah-sekolah kerajaan dan swasta. Ramai pelajar sekolah sekarang menjadi ahli geng 36. Berikut adalah beberapa sekolah yang dikenalpasti sejumlah pelajar-pelajarnya direkrut sebagai ahli geng 36:

1. SMK Taman Selayang 1 dan 2
2. SMK Selayang Baru 1 dan 2
3. SMK Maxwell Sentul
4. SMK Methodist Boys School Sentul
5. SMK Raja Ali Jalan Ipoh
6. SMK Raja Abdullah
7. Kolej Swasta CQ –TECH di Taman Sri Gombak Batu Caves.

Sekolah-sekolah di atas hanyalah sebagai contoh. Geng 36 merekrut ahli mereka di semua sekolah – sekolah seluruh negara. Ahli baru yang hendak memasuki geng 36 perlu melalui satu upacara sembahyang. Upacara sembahyang itu akan dikendalikan oleh seorang yang digelar “Master of Ceremony”. Ahli-ahli baru di bawa ke satu lokasi tertentu bagi upacara sembahyang dan membuat ikrar kesetiaan. Ahli baru yang diterima masuk harus menitiskan darah sebagai tanda kesetiaan dengan membenarkan lengan kanan bawah sebelah dalam di hiris secara melintang sehingga boleh nampak kulit berwarna putih.

Tangan yang dihiris itu tidak boleh dijahit dan harus dibiarkan begitu sahaja. Kebanyakan ahli-ahli geng36 mempunyai parut seperti satu garisan pada lengan mereka. Bagi ahli-ahli yang terlalu muda, tangan mereka tidak dihiris tetapi jari mereka dicucuk dengan jarum untuk mengeluarkan darah mereka.

Ramai remaja India yang muda dan mentah terpengaruh dan terjebak kedalam aktiviti Geng 36 ini. Kebanyakan remaja yang menyertai Geng 36 menjalankan kegiatan mengedar dadah. Selain mengedar dadah ahli geng 36 mengutip duit perlindungan daripada peniaga, pemilik kilang, pemilik kedai dan kontraktor – kontraktor pembinaan; menarik kereta yang mengalami kemalangan (towing); menarik kereta yang mempunyai tunggakan Bank; menjalankan perniagaan disko, pub dan rumah urut; menjadi bouncer di pusat-pusat hiburan; menjalankan perniagaan ceti haram atau menjadi “Ah Long”.

Kesemua anggota Geng 36 ini menjalankan kegiatan, pekerjaan dan perniagaan dengan cara samseng. Sesiapa yang tidak mengikut arahan, mengingkar, membantah dan menentang mereka akan diculik atau ditembak mati. Apa sahaja masalah yang timbul diselesaikan dengan cara samseng. Geng 36 ini sudah banyak melakukan pembunuhan di mana sampai sekarang tiada tindakan yang sewajarnya daripada pihak Polis.

Geng 36 mempunyai kekuatan kewangan hasil daripada penjualan dadah mencecah berjuta-juta Ringgit setiap hari. Geng 36 dikatakan mempunyai **rangkaian (network)** yang begitu kuat di seluruh negara. Geng 36 juga mempunyai organisasi yang rapi mengikut hirarki bermula dari sesebuah kawasan atau daerah hingga ke negeri dan seluruh negara. Kegiatan geng 36 ini dijalankan seperti satu perniagaan yang sah dengan pentadbiran yang kemas. Mereka juga mempunyai unit pelaksana untuk melakukan sesuatu tindakan.

Sebagai contoh mereka mempunyai “skwad menembak”. Musuh mereka yang dikenal pasti dipantau dan arahan menembak (shooting order) dikeluarkan oleh ketua-ketua geng 36 di sesuatu kawasan, daerah atau negeri. Siapakah mereka ini untuk mengeluarkan “shooting order”? Kekuatan geng 36 ini menunjukkan darjah pencemaran yang begitu tinggi di dalam pasukan Polis Diraja Malaysia.

Anggota-anggota dan pegawai-pegawai Polis kita sudah menjadi terlalu selesa dan lena dengan rasuah yang diterima oleh mereka sehingga ia menjadi suatu “Police culture”. Kerajaan sedar semua yang berlaku dan sengaja berdiam diri.. Kegiatan gangsterisme dikalangan kaum india sudah menular sehingga kepada pelajar-pelajar di bangku sekolah. Bila lagi kerajaan nak berdiam diri dan mengelak dari mengambil sebarang tindakan kalau bukan sekarang?

Kubu kuat geng 36 adalah Batu Caves dan Kajang. Di sinilah Devan 36 memproses dadah untuk diedarkan ke seluruh negara. Devan dapat menjalankan kegiatan dan pengedarannya dengan pertolongan anggota-anggota, pegawai-pegawai dan OCPD IPD Gombak, Ketua polis IPK Kuala Lumpur dan IPK Shah Alam. Geng 36 juga dibantu oleh semua Ketua-ketua Polis Negeri di Semenanjung Malaysia.

Geng 36 mempunyai 2 cara menghapuskan musuh mereka. Membunuh dengan menghantar skuad menembak mereka atau menculik musuh mereka dengan menghantar skuad menyamar seperti Polis yang akan melakukan tangkapan dan menghilangkan mangsa. Sehingga kini ramai orang ditangkap oleh geng 36 dengan menyamar seperti Polis tidak kembali dan masih lagi dalam senarai orang yang hilang. PDRM tahu tentang hal ini dan terus berdiam diri tanpa mengambil apa-apa tindakan.

Kerajaan terutamanya Menteri di Kementerian Dalam Negeri iaitu Dato Hishamuddin yang sepatutnya bertanggungjawab kepada keselamatan dan keamanan rakyat tahu apa yang sedang berlaku dan sengaja berdiam diri tanpa mengambil apa-apa tindakan.

Kenapa Dato Hisham berdiam diri?

Adakah ia disebabkan isu kaum India atau sengaja berdiam diri supaya kaum India sentiasa dibelenggu masalah jenayah seperti gangsterisme?

Kalau betul Dato Hisham menegambil serius masalah ini kenapa Ordinan E.O (Emergency Ordinance) dimansuhkan?

Kenapa ramai penjenayah kaum India yang sedang menjalani hukuman dibebaskan?

Ini menunjukkan Kerajaan sanggup berbuat apa sahaja untuk meraih undi dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 yang akan datang.

PATUTKAH KITA MENGUNDI BARISAN NASIONAL

Selepas hampir 55 tahun negara memperolehi kemerdekaan, kenapakah masalah kaum India terutama sekali masalah gangsterisme dan kegiatan jenayah di kalangan kaum India masih berleluasa dan tidak berkesudahan?

Perdana Menteri meminta kaum India menyokong kerajaan Barisan Nasional dalam PRU yang akan datang dengan pelbagai janji dan konsep NAMBIKAI dan 1MALAYSIA. Tetapi adakah beliau benar-benar ikhlas dan benar dalam memperjuangkan nasib masa depan masyarakat India di negara ini?

Setakat ini tidak ada sebarang "blue-print" yang khusus bagi menyelesaikan masalah jenayah dan masalah sosial di kalangan masyarakat India dalam erti kata yang sebenar. Jika kerajaan benar-benar serius dalam menghapuskan masalah jenayah dan masalah gejala sosial di kalangan masyarakat India, kerajaan memang mempunyai jentera, kewangan, daya dan kuasa untuk melakukannya seperti mana mereka buat bagi membantu anak-anak muda Melayu yang terjebak dalam gejala pengaruh dadah, mat rempit dan sebagainya.

Apabila kita ikhlas dan benar, sudah pasti masalah dan gejala sosial di kalangan masyarakat India benar-benar boleh dan sudah pasti dihapuskan. Tetapi dolak-dalih pihak berkuasa menyebabkan masalah jenayah dan kegiatan sosial yang tidak baik masih berleluasa di kalangan remaja dan belia India di negara ini.

Kerajaan Barisan Nasional yang berpegang kepada prinsip perkauman tetap membezakan isu dan masalah mengikut kepimpinan kaum masing-masing. Misalnya pihak MIC dijadikan sebagai tempat beradu nasib masyarakat India pada hal pemimpin-pemimpin MIC kesemuanya pula menjadi "Pak Turut" dan "Kuli bertaraf menteri, timbalan menteri" dan sebagainya. Mereka cuma berucap lantang mengenai sastera, bahasa Tamil, pembinaan dan pembiayaan bagi kuil dan pendidikan sekolah Tamil sahaja.


Mereka tidak pedulikan mengenai masalah gangsterisme dan jenayah di kalangan remaja dan belia India. Malah ada pemimpin India dan MIC yang menjadi punca dan sumber pertumbuhan subur kepada kegiatan gangsterisme dan jenayah di kalangan masyarakat India itu sendiri.

UMNO dan kepimpinan negara pula berdiam diri dan berpuas hati dengan menyerahkan masalah India kepada MIC dan mengatakan itu adalah masalah kaum India yang dipertanggungjawabkan kepada pihak MIC dalam kerajaan Barisan Nasional.

Kenapakah undi orang India diraih sebagai sokongan kepada Barisan Nasional tetapi hak, layanan dan peluang kepada orang India pula dibataskan dengan pelbagai karenah dan dolak-dalih? Bagaimanakah kerajaan BN boleh menjustifikasikan bahawasanya undi setiap kaum adalah sama rata dalam membentuk kerajaan pada hal layanan dan peluang daripada kerajaan pula tidak sama rata atau pun sekurang-kurangnya ada justifikasinya? Setiap peluang dan kemudahan perlu dirayu dan masyarakat India seolah-olah sentiasa menjadi "pengemis" kepada pihak kerajaan pada hal undi mereka pula dengan begitu mudah diminta oleh pemimpin-pemimpin kerajaan BN.

Cuba fikir secara masak-masak. Kalau kerajaan BN benar-benar ikhlas dan benar dalam perjuangannya mahu membela nasib rakyat Malaysia tanpa mengira kaum sepertimana yang diluuhkannya kenapakah mereka mengambil masa 45 tahun dan baru mahu nampak membuat sesuatu kebaikan kepada kaum-kaum minoriti yang selama ini sengaja dipinggirkan.

Bila BN kehilangan 2/3 majoriti dan apabila parti pembangkang mulai menjadi kuat dan nampak taringnya, baru kerajaan BN mula bertindak dan mahu nampak membuat kebaikan kepada kaum-kaum lain termasuklah kaum India.

Kenapakah zaman Tun Dr. Mahathir yang dianggap zaman keemasan Malaysia selama 22 tahun, tiada sebarang usaha dilakukan bagi menjamin keberadaan kaum India di negara ini pada hal hubungan beliau dengan satu-satunya individu yang menentukan nasib kaum India ketika itu, Samy Vellu begitu akrab seperti isi dan kuku? 

Adakah kerajaan BN bermain sandiwara cuma mahu tunjuk sebagai jaguh yang akan menjaga kepentingan masyarakat India pada hal yang sebenar mereka mempunyai niat yang tersirat? Masalah jenayah dan sosial masyarakat India yang saban hari meningkat membuktikan hakikat sebenar sejauh manakah kerajaan BN benar-benar mahu membela nasib kaum India.

Jadi kesimpulannya, tak guna dengan cuma mengatakan NAMBIKAI dan sebagainya untuk meraih sokongan kaum India tetapi yang lebih penting ialah perlu buat dan nampak buat tindakan yang berkesan dan benar-benar membawa faedah kepada kaum India.